

0094

B B470 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR @ @ @ @

KUALA LUMPUR, 23 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGUMUMKAN BAHAWA PERHIMPUNAN RAKSASA BINNO YANG DIRANCANG AKAN DIADAKAN DI STADIUM MERDEKA PADA AHAD INI, DIDATAKAN.

PERHIMPUNAN RAKSASA ITU UNTUK MEMPERINGATI ULANGTAHUN KE-41 PENUBUHAN PARTI ITU DIJANGKA DINADIRI OLEH 500,000 ORANG DARI SELURUH SEMENANJUNG.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA SEMUA PERHIMPUNAN ATAU RAPAT UMUM DIHARAMKAN DI SELURUH NEGARA MEMANDANGKAN KEADAAN DALAM NEGARA YANG DISIFATKANNYA SUDAH SANPAI KEPADA TAHAP YANG MERBAHAYA.

DALAM KENYATAAN KEPADA DEWAN RAKYAT YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RTM, BELIAU YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERKATA BAHAWA KEADAAN DALAM NEGARA SEKARANG TELAH MENJADI AMAT TEGANG AKIBAT DARIPADA PERGOLAKAN YANG BERBAU PERKAUMAN SEJAK KEBELAKANGAN INI.

+POLIS BERPENDAPAT DAN SAYA BERSSETUJU DENGAN PENDAPAT MEREKA, BAHAWA KERAJAAN TIDAK BOLEH MENUNGGU SEHINGGA RUSUHAN TERCETUS SEBELUM BERTINDAK,+ KATANYA DALAM UCAPAN ITU YANG DIBUATNYA BERIKUTAN PENAHANAN 55 ORANG DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) DAN PENUTUPAN BEBERAPA BUAH AKHBAR DALAM TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH POLIS SEJAK SEMALAM. -- LAGI.

1729HST 23 10 87

0095

B B471 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR @ @ @ @

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA LANGKAH-LANGKAH MENCEGAH KEJADIAN RUSUHAN PERLU DIAMBIL SEKARANG JUGA UNTUK MENYELEMATKAN NEGARA DARIPADA BAHAYA DAN BENCANA YANG MUNGKIN DIHADAPI.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA SEMUA PERHIMPUNAN AWAM ATAU RAPAT UMUM, BAMA ADA DI DALAM BANGUNAN-BANGUNAN ATAU DI LUAR, TERMASUK YANG TELAH MENDAPAT KEBENARAN, DIHARAMKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI AMARAN BAHAWA NEGARA TIDAK MAMPU MENGALAMI RUSUHAN KAUM SAMBIL BERKATA: +KITA SEMUA NASIH INGAT PERISTIWA 13 MEI 1969 (DAN) TENTULAH TIDAK ADA DI ANTARA KITA YANG SUKA MENCETUSKAN RUSUHAN BERDARAH SEPERTI ITU SEKALI LAGI+.

KETIKA MEMBERI LATAR BELAKANG PENAHANAN DI BAWAH ISA TERSEBUT, PERDANA MENTERI BERKATA POLIS MENDAPATI BAHAWA BEBERAPA TOKOH DAN PEMIMPIN PARTI PEMBANGKANG DAN KUMPULAN-KUMPULAN YANG SEBULU DENGAN MERDEKA TELAH DENGAN SENGAJA MEMBESAR-BESARKAN ISU YANG ADA KAITAN DENGAN KAUM.

DAP KHUSUSNYA, TERLALU MEMAINKAN ISU-ISU PERKAUMAN CINA DAN INDIA SECARA TERBUKA DENGAN MEMBERI GAMBARAN KONONNYA KERAJAAN MENINDAS KAUM-KAUM ITU, KATANYA. -- LAGI.

1733HST 23 10 87

0102

B 8475 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR 'a'a'a'a'

MEREKA MENGADAKAN RAPAT-RAPAT UMUM, PERJUMPAAN AWAM, DEMONSTRASI DAN KEGIATAN-KEGIATAN LAIN UNTUK MEMBAKAR HATI ORANG-ORANG CINA DAN INDIA SUPAYA MEMBENCI KERAJAAN DAN ORANG MELAYU.

POLIS, KATANYA, MENDAPATI BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN DAP AMAT GENAR MENGGUNAKAN ISU-ISU YANG BERBAU PERKAUMAN UNTUK MENDAPAT SOKONGAN BAGI PARTI MEREKA, DENGAN BERLAGAK BUKAN SAHAJA SEBAGAI JUARA KAUM CINA DAN INDIA, TETAPI JUGA SENGAJA MENCABAR PARTI-PARTI KAUM CINA DAN INDIA DALAM KERAJAAN YANG KONONNYA TIDAK MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN KAUM-KAUM MEREKA.

INI MENGAKIBATKAN PARTI KAUM CINA DAN INDIA DALAM KERAJAAN +MELENTING+ DAN CUBA PULA UNTUK MELEBINI DAP DALAM KETEBALAN PERASAAN PERKAUMAN MEREKA, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA USAHA MENJADI JAGUH INI MENINGKAT APABILA DAP DAPAT MENGALAHKAN BEBERAPA CALON PARTI CINA DALAM BARISAN NASIONAL DALAM PILIHAN RAYA 1986 SEHINGGAKAN DAP SENGAJA MENGEJEK PARTI CINA DALAM BN SEBAGAI +RUNNING DOGS+ UMNO.

+DENGAN INI MAKA SEMAKIN BERTAMBAHLAH USAHA PARTI CINA DAN INDIA DALAM BN UNTUK MEMBUKTIKAN BAHAWA MEREKA JUGA KUAT DARIPADA SEGI KEPENTINGAN PERKAUMAN, BAHKAN LEBIH KUAT DARIPADA DAP DAN PEMIMPIN-PEMIMPINNYA,+ TEGASNYA. -- LAGI.

1746MST 26 10 87

0104

B 8476 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR 'a'a'a'a'

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU DEWAN BAHAWA DI ANTARA ISU-ISU YANG DIJADIKAN ASAS UJIAN TENTANG +SIAPA LEBIH KUAT PERKAUMANNYA+ IALAH YANG AMAT SENSITIF SEPERTI SOAL TARIAN SINGA, KOPERASI, PAPAN TANDA DAN IKLAN, BAHASA CINA, BUKIT CINA DAN SOAL PAKAIAN.

YANG LAIN-LAIN IALAH SOAL IKRAR MURID SEKOLAH, MATA PELAJARAN ELEKTIF DI UNIVERSITI MALAYA, KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH (KSSR), SOAL PRIBUMI/SUMIPUTERA DAN AKHIR-AKHIR INI SOAL GURU SEKOLAH CINA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYIFATKAN SEBAGAI PERBUATAN YANG AMAT BAHAYA SOAL PENGGUNAAN KUIL UNTUK MESYUARAT PERKAUMAN.

+DALAM UCAPAN-UCAPAN YANG DIBUAT SEWAKTU MEMBINCANGKAN ISU-ISU INI, BANYAK KATA-KATA KESAT YANG BOLEH DITAKRIFKAN SEBAGAI HASUTAN, DISUARAKAN DENGAN LANTANG,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA REAKSI DARIPADA ORANG MELAYU PULA JUGA MENINGKAT KERANA SEBAB-SEBAB TERSEBUT SEHINGGA KE PERINGKAT YANG MELAMPAUI BATAS. -- LAGI.

1750MST 26 10 87

D118

B 2481 AAB

PARLIMEN - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR 'R'R'R'R'

MENGENAI MEDIA MASSA, PERDANA MENTERI BERKATA AKHBAR-AKHBAR DAN MAJALAH-MAJALAH JUGA SEMAKIN BERANI MELAPOR DAN MEMBUAT RENCANA-RENCANA YANG MEMBAKAR HATI KAUM-KAUM YANG TERLIBAT.

BEBERAPA AKHBAR DAN MAJALAH SENJAGA MENOKOK-TAMBAH HASUTAN-HASUTAN INI UNTUK MEMPERLUASKANNYA KEPADA SELURUH RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA MASA YANG SAMA PIHAK YANG PRO KOMUNIS TIDAK BERDIAM DIRI KERANA MEREKA MEMANG MENANGGUK DI AIR YANG KERUH.

MEREKA INI MENGHASUT MELALUI BADAN-BADAN SAH DAN TIDAK SAH DAN ADA BUKTI YANG MENUNJUKKAN BAHAWA MEREKA MENDAPAT ILHAM DAN SOKONGAN MORAL DAN MATERIAL DARIPADA PIHAK-PIHAK LUAR NEGERI YANG TIDAK INGIN MELIHAT NEGARA INI TENTERAM DAN MAJU.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA SELAIN PERKAUMAN, PERKARA YANG MERENGGANGKAN JARAK PERHUBUNGAN ANTARA KAUM ADALAH AGAMA YANG BERLAINAN. -- BERNAMA.

1312NST 28 10 87